



Berita PKINK

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Bil. 1/2004

Jan-Mac 2004

Edaran PERCUMA

Profil

Perkhidmatan

Tabung

Kemudahan

Prestasi

Mula Utama

SUSAH SENDANG BERSAMA KOOP - PKINK



MASUK

[Tarikh Pendaftaran : 27 April 1981] [No. Pendaftaran Koperasi : Koop IP.5349/1]
[No. Koop Negeri : 54]

Berita Terkini Koperasi PKINK Berhad

■ Akan Tiba - Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 23 !!

■ Akan Datang E-Corvey & E-Runcit

■ Keles Tuzyen Bahasa Inggeris Setiap Jumat & Sabtu (9.00-11.00) di Tingkat 3, Bangunan PKINK.

>> Ayah Bentu <<

■ Taklimat Koperasi PKINK

■ Montage Pelancaran Laman Web Koperasi PKINK

Tingkat 1, Bangunan PKINK,
Jalan Sungai Mahameru,
15800 Kota Bharu,
Kedah.
No Tel : 016-9411744 / 9442055
Fax : 016-9411745
E-Mail : koop@pkink.gov.my

CLICK FOR ENGLISH VERSION

Maklumat diatas adalah berdasarkan kepada perincian yang tersedia ke semasa.
Hak Cipta Terpelihara 2004

ALHAMDULILLAH

WALAUPUN TEMPAT KE 5

Biarpun sederhana, laman web Koperasi PKINK Bhd telah mampu meraih 'top 5' dalam Pertandingan Laman Web Peringkat Negeri Kelantan dalam

kategori agensi/badan berkanun/ IPTA & IPTS Negeri Kelantan pada 10 Mac yang lalu. Mendapat tempat ke 5 daripada 16 peserta merupakan sesuatu yang boleh dibanggakan.

HAKMILEK PKINK

Dilancarkan pada bulan Jun 2003, laman web Koperasi PKINK yang telah dibangunkan oleh Bahagian MIS PKINK boleh dicapai melalui alamat

<http://www.pkink.gov.my/koperasi>



Dari Editor

"Dan katakanlah: Bekerjalah kamu! Maka Allah dan RasulNya dan orang-orang yang beriman akan melihat pekerjaan kamu, dan kamu akan dikembalikan kepada Tuhan Yang Maha Mengetahui segala yang ghaib (yang tersembunyi) dan yang ternyata, lalu diberitahukan kamu tentang apa yang kamu kerjakan itu".

(Surah At- Taubah: 105)

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan rahmat dan limpah kurniaNya maka kita dapat mengakhiri tahun lepas dengan penuh keimanan dan memulakan tahun baru (1425 H) dengan rasa keinsafan dalam diri untuk memulakan kehidupan dengan azam yang lebih bermakna untuk memperelokkan diri serta meningkatkan kualiti kerja selaras dengan tuntutan agama.

Kehadiran tahun 1425 H ini menjadi detik untuk kita menilai pencapaian kita sebagai sebuah Perbadanan bagi mengembeling usaha ke arah mewujudkan semangat kumpulan yang pasti boleh membawa manfaat yang menyeluruh kepada kakitangan organisasi dan rakyat negeri Kelantan itu sendiri. Sehubungan dengan itu, kita hendaklah merangkumkan segala bentuk pengetahuan, kebolehan, kepakaran serta kepimpinan yang menjadi syarat kepada kejayaan organisasi.

Kita baru saja selesai menjalankan tanggungjawab dalam pilihanraya ke 11. Marilah kita sama-sama bekerja sebagai satu pasukan untuk berkhidmat kepada rakyat negeri Kelantan dengan niat untuk mendapat keredhaan Allah S.W.T semata-mata.

"Matlamat pencapaian adalah sama. Kecemerlangan organisasi adalah hasil daripada peranan dan sumbangan kita yang sama rata dan saksama. Jangan dipedulikan siapa yang akan mendapat pujian atas kerja-kerja dan kecemerlangan yang telah di sumbangkan" (Benjamin Jowett)

Islam sendiri amat menggalakkan umatnya supaya bekerja dengan penuh muhibbah dan kasih sayang di dalam apa jua lapangan. Sehubungan dengan cabaran perniagaan dalam era globalisasi yang kian mempengaruhi organisasi, kita seharusnya dapat mendisiplinkan diri untuk bekerja dengan lebih baik bukan untuk diri kita sahaja malah untuk memartabatkan organisasi di mata dunia.

"Kita tidak akan terus jatuh apabila dikeji dan kita juga tidak terus berada di atas biarpun dipuji. Kita adalah apa yang selalu kita lakukan. Keunggulan bukanlah satu lakonan tetapi satu tabiat" (Aristotle)

Kepada semua warga PKINK diharapkan supaya menanam azam yang tinggi untuk bekerja dengan lebih keras, dedikasi, ikhlas dan amanah demi kejayaan kita dan Kumpulan. Selamat maju jaya diucapkan.

Sidang Editor

Penaung

YABrs. Tuan Hj. Hanifa Ahmad

Ketua Editor

YBrs. Tuan Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir

Editor

YBhg. Datin Hajjah Norsiah Musa

Penolong Editor

En. Ahmad Hilmi Mohd Nawawi

Cik Sofia Alizan Che Soh

Pn. Zakiah Mohamed

En. Rosdi Said

Pengarang

En. Ahmad Nazri Ismail

En. Mohd Roslan Md. Zain

Pn. Teh Mariam Mohamed

Pn. Hawa Md. Salleh

En. Jasni Yusoff

Pn. Nik Farzimar Nik Omar

En. Zainul Amin Mat Zin

YM. Tengku Petra Tengku Wook

Jurufoto

En. Mohd Ghazali Mahmood



Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan,

Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK,

Jalan Tengku Maharani,

Peti Surat 142,

15710 Kota Bharu,

Kelantan.

Dicetak oleh:

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

5169-F, Jalan Kuala Krai,

15050 Kota Bharu, Kelantan.

Tel: 09-7485667

Faks: 09-7485687

**KUNJUNGAN HORMAT
DAN RAMAH MESRA**

**DEWAN PEMUDA
PAS NEGERI
KELANTAN KE PKINK**

Dewan Pemuda Pas Negeri Kelantan telah mengadakan lawatan kerja ke PKINK pada 6 Zulkaedah 1424 bersamaan dengan 30 Disember 2003. Dengan adanya lawatan ini ianya dapat mengukuhkan lagi hubungan ukhuwah dan silaturrahim di antara kedua-dua belah pihak.

Lawatan ini adalah bertujuan untuk meninjau program-program yang sedang dilaksanakan dan yang telah dirancang oleh PKINK untuk memacu pembangunan ekonomi negeri ini. Disertai lebih kurang 30 orang ahli, rombongan Dewan Pemuda Pas telah mengikuti taklimat yang disampaikan oleh YAbns. Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK. Taklimat ini telah memfokuskan program-program yang telah dirancang oleh PKINK bagi pembangunan di negeri Kelantan.

Menyusul selepas taklimat tersebut ialah sesi dialog yang sedikit sebanyak telah dapat meleraikan beberapa kemasukan ahli rombongan.



Majlis dimulakan dengan bacaan doa



Sesi dialog antara Ketua Eksekutif dengan ahli Dewan Pemuda Pas sambil dibantu oleh Hj Mohamad Razali Deraman dan Hj. Mohd Suffriane Ibrahim Arasi



YB Ustaz Zulkaffi Yacob sedang mengajukan soalan kepada Ketua Eksekutif



Penyampaian cenderahati daripada PKINK kepada Ketua Dewan Pemuda Pas Kelantan



Salah seorang peserta rombongan Dewan Pemuda Pas mengajukan soalan kepada Ketua Eksekutif

TAKLIMAT

TM CENTREX DAN PKINKNET OLEH TELEKOM MALAYSIA BERHAD

Telekom Malaysia Berhad telah memberi satu taklimat berhubung produk mereka TM Centrex dan capaian talian internet pada 15 Februari 2004. Taklimat telah disampaikan oleh En. Mohd Nadzri Mohd Maidin dan En. Khasin Shafieen.

TM Centrex atau "Centralized Exchanged Services" adalah satu produk alternatif terhadap penggunaan alat PABX. Pendekatan TM Centrex diakui mampu menjimatkan kos serta melancarkan sistem perhubungan.

Di samping TM Centrex, Telekom turut merangka satu cadangan menyeluruh untuk capaian internet Kumpulan PKINK; digembleng dalam satu wadah iaitu PKINKnet dengan memaksimakan penggunaan litar suwa TMNet Direct dan juga TMNet Streamyx.

Majlis yang bermula pada jam 10.30 pagi itu tamat jam 1.00 tengah hari. Turut hadir di majlis taklimat tersebut adalah Timbalan-timbalan Ketua Eksekutif, Pengurus-pengurus Bahagian PKINK, di samping Pengurus-pengurus dan Eksekutif Kanan Syarikat Anak.



Salah seorang wakil TMB sedang menyampaikan taklimat



Pengurus-pengurus Besar Syarikat Anak turut menghadiri taklimat yang disampaikan oleh wakil TMB



Kakdangan PKINK sedang mendengar taklimat daripada wakil Telekom Malaysia Berhad, Kota Bharu



Para peserta begitu asyik mendengar taklimat yang disampaikan

RUANGAN BERITA

CERAMAH

MENYAMBUT AIDILADHA DAN IBADAT KORBAN

"Sesiapa yang tidak menghukum menurut apa yang diperintahkan oleh Allah itu adalah orang-orang kafir"
(Surah Al-Maidah: Ayat 44)

Pada 7 Zulhijjah 1424H bersamaan dengan 29 Januari 2004, ceramah menyambut Aidiladha dan ibadat korban peringkat PKINK telah diadakan di Bilik Operasi Tingkat 10 anjuran Bahagian Biro Dakwah KSK PKINK dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Anggota-anggota PKINK dan penghuni-penghuni bangunan telah hadir secara beramai-ramai untuk mendapat manfaat dari majlis tersebut. Ceramah khas ini telah disampaikan oleh penceramah undangan iaitu Ybhg. Ustaz Fikri bin Hamid, Imam Besar Masjid Muhammadi, Kota Bharu.

Di antara intipati yang dapat dipetik daripada ceramah:



Ustaz Fikri bin Hamid, Imam Besar Masjid Muhammadi menyampaikan ceramah



Hadirin sedang mendengar kata alu-aluan daripada pengurus majlis



Ramai juga yang datang ya



Ahmadullah... nampaknya dorong semua khusyuk mendengar ceramah

Sejarah nabi-nabi diungkap semula, di antaranya kejadian air zam-zam di mana bermulanya perkembangan Mekah sebagai tempat ibadat haji, dan turunnya perintah meminta Nabi Ibrahim a.s. menyembelih anaknya Nabi Ismail a.s. sebagai tanda ketakutan kepada perintahNYA. Lalu, digantikan oleh Allah, Nabi Ismail dengan seekor Kibas sebagai menghargai kesetiaan Nabi Ibrahim a.s. terhadap perintahNYA. Sebagaimana yang kita maklum,

tidak akan berlaku sesuatu yang kita rancang melainkan dengan izin Allah s.w.t.

Dengan adanya ceramah ini kita sama-sama dapat memperingati sejarah bagaimana bermulanya ibadat korban dan sama-sama lah kita menghayati bulan Zulhijjah dengan penuh keberkatan dari Allah s.w.t untuk kebaikan di dunia dan di akhirat.

RUANGAN BERITA

GOTONG-ROYONG PERINGKAT BANDAR KOTA BHARU

Penjagaan kebersihan merupakan aspek yang penting dalam kehidupan kita. Bandar yang bersih dan cantik memberi pandangan yang baik kepada para pelancong. Atas kesedaran tersebut satu majlis gotong-royong membersih bandar Kota Bharu peringkat MPKB telah dilancarkan pada 22 Februari 2004 bersamaan dengan 1 Muharram 1425 Hijrah.

Aktiviti gotong-royong yang bermula pada jam 8.00 pagi dan berakhir kira-kira jam 12.00 tengahari itu telah dilancarkan oleh YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan. Bagi menjayakan program tersebut, pihak

PKINK telah turun padang berganding bahu dengan rakan-rakan daripada lain-lain agensi kerajaan dan pertubuhan. Untuk tahun ini, anggota PKINK telah diberikan kawasan sekitar Kota Bharu.

Dengan adanya program gotong-royong ini, ia dapat mengeratkan lagi hubungan anggota PKINK dengan agensi-agensi lain serta dapat mewujudkan kesedaran

tentang pentingnya kebersihan bandar kita.



Sebahagian daripada kakitangan PKINK yang terlibat dalam aktiviti gotong-royong



Peserta yang terlibat berganding bahu membersihkan kawasan yang telah ditetapkan



Ewah... ewah! sempat lagi dia posis

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ALLAH s.w.t kerana dengan limpah izinNya kita dapat berada di Dewan ini pada hari ini untuk satu majlis ucaptama bagi tahun Hijrah 1425 bersamaan tahun Masehi 2004. Ribuan terima kasih diucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana menghadiri majlis ini.

Kita sudah berada 2 hari dalam tahun Hijrah 1425 dan 54 hari dalam tahun Masehi 2004. Ini bermakna masih ada kira-kira 10 bulan lagi dalam tahun ini untuk menutup kira-kira. Saya suka menyeru kepada tuan/puan semua termasuk diri saya sendiri untuk memanfaatkan sepenuhnya sepuluh bulan ini untuk

RINGKASAN TEKS

UCAPAN KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN PADA MAJLIS UCAPTAMA KETUA EKSEKUTIF 1425 H

RM13 juta pada tahun 2003 berbanding RM437 ribu pada tahun 2002. Saya suka mengucapkan tahniah kepada semua warga kerja Kumpulan Perbadanan yang telah berjaya membawa kumpulan kita ke tahap yang baik ini.

Kita semua tahu bahawa kekuatan Kumpulan Perbadanan adalah

tiga bahagian ini sekiranya digerakkan dengan bersepudu akan menjanakan pendapatan yang lebih untuk Perbadanan.

Beberapa projek yang sedang berjalan dan masih dalam perancangan perlu diberi perhatian oleh Jawatankuasa Penyelarasan Projek.



Pendaftaran dari Bahagian Ibu Pejabat


Sesi pendaftaran para jemputan Sy



Gambaran pada majlis ucaptama Ketua Eksekutif Kumpulan



YABhg. Tuan Haji Haniff Ahmad selaku Ketua Eksekutif sedang menyampaikan ucapan



Para jemputan mendengar ucapan da

bekerja bersungguh-sungguh supaya kita dapat mencapai kejayaan yang lebih besar daripada kejayaan yang dicapai tahun 2003.

Kumpulan Perbadanan telah mencapai kedudukan yang lebih baik pada tahun 2003 berbanding tahun sebelumnya dengan keuntungan sebanyak RM3.9 juta. Syarikat anak pula mencatat keuntungan sebanyak

terletak pada Projek & Hartanah. Ini bermakna sekiranya kita lemah dalam merancang dan melaksanakan projek-projek pada tahun ini kita akan gagal mencapai sasaran yang ditetapkan. Di peringkat Perbadanan sendiri, Majlis Eksekutif akan memberi tumpuan yang lebih kepada bahagian-bahagian Projek & Hartanah, Khidmat Teknikal & Galakan Industri. Ini kerana ketiga-

Antara projek-projeknya:-

1. Projek 87 unit rumah teres di Jajahan Tanah Merah
2. Projek 133 unit rumah teres di Jajahan Machang
3. Projek Perumahan Sungai Durian Kuala Krai
4. Projek Perumahan Tok Selehong (Fasa I)
5. Projek Perumahan Lot 822 Panchor

RUANGAN BERITA

6. Projek Perumahan di Bandar Jeli

Manusia atau dalam konteks kita, kakitangan (Human Resource) adalah nadi kepada kejayaan kita semua. Bahagian PSM di peringkat Perbadanan atau syarikat-syarikat anak perlu memainkan peranan penting untuk membentuk keperibadian (sahsiah) kakitangan-kakitangan kita.

Perubahan sikap yang perlu diterapkan di dalam diri kita ialah pengurusan masa dengan baik, mesra pelanggan, cekap bekerja, jujur, proaktif, kurang birokrasi dan red-tape, berfikiran positif, tiada halangan kepada pelanggan, tegas

Saya suka menarik perhatian kepada pengurus-pengurus besar yang memperolehi keuntungan pada tahun 2003 tetapi masih menanggung kerugian terkumpul hendaklah merancang dan bertindak dengan berkesan serta mendapat kerjasama daripada seluruh kakitangan mereka untuk 'turnaround' syarikat dalam jangkamasa yang tertentu.

Antara langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencapai matlamat kita ialah penyelarasan projek di bawah sektor Hartanah & Binaan. Jawatankuasa Pengurusan di peringkat syarikat anak hendaklah diwujudkan dan digunakan sepenuhnya, lawatan korporat

Beberapa strategi telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini. Antaranya adalah memperkuatkkan sektor hartanah, menjana aliran tunai melalui pulangan pelaburan dan bayaran balik pendahuluan oleh syarikat anak dan meningkatkan keberkesaan sistem pungutan hasil.

Dengan strategi yang diatur ini adalah diharapkan Perbadanan akan dapat mengatasi masalah yang dihadapi dalam jangka pendek & jangka panjang, InsyaAllah. Kerjasama daripada semua kalangan warga kerja Kumpulan Perbadanan, dari yang teratas kepada yang terbawah adalah amat diperlukan. Sama-sama kita berazam, pada hari ini



an Syarikat-Syarikat Anak



Ketibaan Ketua Eksekutif diringi oleh Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) & Pegawai pegawai PKINK ke Dewan Bungar Emas



Gaya seorang 'mc' yang benar-bawa



an daripada Ketua Eksekutif



Gambaran dari atas semasa Ketua Eksekutif menyampaikan ucapan



Majlis diakhiri dengan jamuan makan pagi

dan berani mengambil tindakan, dan patuh kepada ketua.

Saya suka mengucapkan tahniah kepada beberapa syarikat yang telah menyumbangkan keuntungan yang besar kepada kumpulan, seperti KPK (4.65juta), KELKON (4.28juta), BINARAYA(2.63juta), LST (2.04juta), dan PKB (1.27juta).

diteruskan dan tumpuan diberikan kepada syarikat-syarikat yang bermasalah dan ada mendapat pinjaman daripada perbadanan. Bahagian Audit Dalam & Naziran akan turut memeriksa perjalanan syarikat anak seperti mana kaedah kerja jawatankuasa, dan peranan Bahagianan Perancangan Korporat akan ditingkatkan lagi.

sempena dengan kita menyambut Hijratul Rasul (Tahun Hijrah) untuk memberi seluruh komitmen, tenaga dan fikiran untuk memajukan kumpulan kita.

Akhirnya sama-sama kita panjatkan doa ke hadrat Allah s.w.t. supaya hajat, dan cita-cita kita dipermudahkan dan dimakbulkanNYA.

**PENGETUA-PENGETUA
DAN GURU-GURU
PEMBIMBING PUM HADIRI**

**TAKLIMAT TATACARA
PELAKSANAAN
PROGRAM
USAHAWAN MUDA
TAHUN 2004**

Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK selaku sekretariat PUM Kelantan telah mengadakan Taklimat Tatacara Perlaksanaan Program Usahawan Muda khusus untuk para Pengetua dan Guru-guru Pembimbing PUM bagi sekolah-sekolah yang telah terpilih untuk mengendali dan melaksanakan Program Usahawan Muda pada tahun 2004. Taklimat tersebut telah diadakan pada 29 Februari 2004 bertempat di Dewan Selayang Perdana Resort. Sebanyak 11 buah sekolah dari Jabatan Pendidikan Kelantan dan 8 buah dari Yayasan Islam Kelantan telah menyertai taklimat tersebut dengan penglibatan seramai 19 orang Pengetua dan 38 orang guru pembimbing PUM.

Program taklimat ini diadakan bertujuan bagi memberi kefahaman dan pendedahan kepada semua Pengetua dan Guru Pembimbing PUM mengenai objektif serta faedah dari perlaksanaan program keusahawanan remaja di sekolah masing-masing, di samping memberi panduan kepada Guru Pembimbing tentang tatacara perlaksanaan Program Usahawan Muda (PUM) mengikut modul

Kementerian Pembangunan Usahawan.

Program taklimat tersebut dirasmikan oleh Timbalan Ketua Eksekutif (P&P). Turut hadir dalam majlis perasmian ialah wakil Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dan juga wakil Timbalan Pengarah Yayasan Islam Kelantan.

Taklimat Perlaksanaan PUM telah disampaikan oleh Tuan Hj. Mohamad Alwi b. Ya, Pengurus



Pengurus Pembangunan Usahawan PKINK, Hj. Mohamad Alwi b. Ya sedang menyampaikan Taklimat Pelaksanaan PUM kepada Pengetua-pengetua dan guru-guru Pembimbing PUM



Dari kiri: Tn. Hj. Mohamad Ali b. Ya (Pengurus Pembangunan Usahawan PKINK),
Tn. Hj. Mohd Suhaimi b. Hasyim (Timb. Ketua Eksekutif (P & P) PKINK), Hj. Hamid b. Che Man (Wakil Pengarah Jabatan Pendidikan Kelantan dan En. Hassan Basri b. Mahmud (Wakil Ketua Pengrolong Pengarah Yayasan Islam Kelantan)

Pembangunan Usahawan PKINK. Sebanyak 10 aktiviti Program Usahawan Muda telah disusun oleh pihak Sekretariat PUM sepanjang tahun 2004. Antaranya ialah program Seminar Latihan Pembimbing dan Ahli

Lembaga Pengarah, Konvoesyen PUM peringkat negeri, seminar motivasi usahawan dan lawatan ke premis perniagaan.



Pengetua-pengetua dan Guru-guru Pembimbing PUM khusyuk mendengar Taklimat Pelaksanaan PUM

MAJLIS RAMAH MESRA

BERSAMA PEMIMPIN WANITA DAN NGO NEGERI KELANTAN

Satu majlis ramah mesra bersama YABhg. Datin Rosmah Mansor dengan pemimpin wanita dan NGO Negeri Kelantan telah diadakan pada 16 Februari 2004. Majlis yang diadakan di Hotel Grand Riverview Kota Bharu itu bermula jam 10.30 pagi di bawah anjuran Lembaga Penduduk & Pembangunan Negara, Negeri Kelantan.



Ahli Kelab Kebajikan Wanita PKINK (KEKWA) bergambar bersama YABhg. Datin Rosmah Mansor

Majlis ramah mesra yang julung kali diadakan itu sungguh meriah dan turut dihadiri oleh ahli Kelab Kebajikan Wanita PKINK (KEKWA). Dengan adanya majlis ini, ia dapat mengeratkan lagi hubungan antara pemimpin wanita dan ahli KEKWA di samping dapat bertukar-tukar pendapat antara satu sama lain.

RUANGAN BERITA

KURSUS DAN LATIHAN

ANJURAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN PKINK 2004

Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK dengan objektif untuk menyediakan persekitaran yang membantu dan menggalakkan pembangunan usahawan tulun yang berkualiti, berdaya maju, berdaya saing dalam semua sektor serta memupuk budaya keusahawanan di kalangan rakyat Kelantan telah menyusun program kursus dan latihan kepada bakal-bakal usahawan dan juga usahawan yang ingin meningkatkan pengetahuan diri masing-masing. Untuk makluman kepada yang berminat, kursus-kursus dan bentuk latihan yang disediakan adalah sebagaimana jadual.

Jadual Aktiviti Dan Latihan Keusahawanan 2004

BIL.	Aktiviti	Tarikh	Tempat	Yuran (RM)	Sasaran Peserta	Cabutan
1	Wacana/Ceramah Keusahawanan	2 bulan sekali	Bilik Operasi PKINK	15	100 - 200	
2	Seminar & Ekspos Latihan dan Pembiayaan Usahawan	5 - 6 April	Balai Islam	50	200 - 300	Pendaftaran dibuka sekarang
3	Latihan Keusahawanan Penjaja & Peniaga	Mei, Julai, Ogos	Paloh Inn	50	50	Pendaftaran dibuka sekarang
4	Kursus Pengurusan Bengkel Servis	29 - 30 April	ILP, F. Chepa	70	50	Sasaran kepada pengendali bengkel
5	Bengkel Penjenamaan dan Pelabelan Produk	16, 17, 18 Mei	Akan ditentukan	30	50	Pendaftaran dibuka sekarang
6	Latihan Asas Belia Niaga	3 - 5 Julai	Paloh Inn	50	45	Pendaftaran dibuka sekarang
7	Seminar dan Ekspos Produk Usahawan Kelantan	September	Hotel Perdana	S : 50 E : 250	S : 200 120 gerai	Pameran dan Jualan produk-produk usahawan Kelantan
8	Bengkel Pembinaan Laman Web & Pemasaran melalui Internet	20 - 21 Oktober	Medan Usahawan Makmal Siber	50	30	Pendaftaran dibuka sekarang
9	Kursus Sistem Perakaunan Berkomputer	1 - 2 November	PKINK Makmal Siber PKINK	70	30	Pendaftaran dibuka sekarang

Kepada sesiapa yang berminat, sila hubungi Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK di talian 09-7445055

PERASMIAN

KILANG EBK & CEPAT EKSPRESS DI KAWASAN PERINDUSTRIAN PENGKALAN CHEPA II

Era Bayam Kota Sdn Bhd (EBK) sebuah syarikat kerjasama dengan BERNAS telah mengadakan upacara perasmian kilang dan pejabat baru mereka pada 16 Februari 2004 di atas lot PT 4154 keluasan 3.50 ekar yang dibeli daripada PKINK pada 11 Februari 2002. Upacara perasmian tersebut telah disempurnakan oleh Pengerusi Kumpulan BERNAS iaitu YBhg. Dato' Seri Mohamad Noor Abdul Rahim.

Manakala sebuah lagi syarikat pengangkutan iaitu Syarikat Cepat Ekspres Sdn Bhd telah mengadakan upacara perasmian tapak bengkel & pejabat mereka di atas lot PT 1508 keluasan 1.55 ekar pada 7 Mac 2004.



Tapak tersebut telah dibeli daripada PKINK pada 20 Jun 2002.

Kedua-dua syarikat berkenaan adalah merupakan syarikat yang

dimiliki 100% bumiputera. Ini menunjukkan bahawa para pelabur masih menaruh keyakinan untuk membuat pelaburan di negeri Kelantan.

REHAT...REHAT MEMANCING DI TASIK PERGAU

Memanfaatkan cuti umum sempena Maal Hijrah 1425, Jawatankuasa Rekreasi PKINK telah menganjurkan program memancing dan rehat-rehat bersama keluarga. Program 3 hari 2 malam dari 20 hingga 22 Februari 2004 ini telah disertai seramai 28 orang ahli. Memandangkan Tasik Pergau belum begitu popular di kalangan kaki pancing mahupun pengunjung biasa, kami yang mengikuti program ini telah membuat persiapan yang sepatutnya. Bukannya apa sangat.. bimbang juga nanti berlaku apa-apa yang tak diingini. Selain dari menyiapkan peralatan memancing yang sememangnya pasti, bekalan makanan juga memang tak dilupakan.

Sesampainya kami di sana lewat tengahari 20 Februari... apa lagi ??? yang dah ghalrah sangat nak



Kaki pancing sedang menunggu hasil pancingan masing-masing

memancing tu terus tidak memberi ruang. Disangkutnya pelbagai jenis umpan lantaran kebiruan air Tasik Pergau mula berkocak dek mereka dengan harapan akan mengenalnya nanti. Toman ke, Sebaru ke... He..he..ha..ha..hi..hi..hu..hu.. tahukah anda ?? Sebenarnya ikan-ikan di Tasik Pergau ini cukup 'independent'. Umpan-umpan... pancing-pancing ni... tak mainlah. Lebih selesa cari makanan sendiri mengikut citarasa la kan. Usahakan nak tersangkut... umpan kita tak dijelengnya pun. Aduhai... ikan... ikan.

Walaupun demikian kita tak kisah

sangat.. sebab kita dah pun bersedia. Makan malam tetap enak.. dan makan pada waktu lain pun seronok. Makan ramai-ramai bekalan yang dibawa. Tak ketinggalan BBQ pasti a d a . Yum... yum... yum... best tau. Keesokannya???.. He..he..he.. mata kail dengan umpan segar dilontarkan lagi. Kalau hari semalam ikan-ikan di sini tak jeling, hari ini tak lalu pun dekat dia. Alahai... apa nak kisahkan sangat... kami ramai-ramai terjun ke tasik. Mengocok birunya air dan dibelai mesra dengan kehangatan airnya yang sedalam lebih tiga puluh kaki. Lebih tiga puluh kaki ?? Ya..ke ?? Tak caya.. Kami bukan berenang sendirian... tapi ramai-ramai bergayut pada tali panjang dan pastinya memakai life jacket. Biar tak dapat seekor ikan pun tapi program ini tetap meninggalkan kenangan. Bila ada waktu luang... pasti kami akan ulanginya. Yahoo... yoo... relaks habis.

KEBAIKAN

MANDI

Selain untuk membersihkan badan dan menghilangkan stress, mandi juga amat penting untuk meningkatkan ketahanan sistem kekebalan dan membantu kulit menghindari penyakit. Satu kajian yang diterbitkan dalam New England Journal of Medicine, mendapati pengidap diabetes yang berendam selama setengah jam dalam air panas, berjaya menurunkan kadar gula dalam darahnya sekitar 13 peratus.

Sementara itu, satu kajian dan pakar-pakar Jepun pula menunjukkan 10 minit berendam dalam air panas boleh memperbaiki kesihatan jantung serta membantu mereka mengurangkan rasa sakit-sakit selepas berolahraga. Antara lain-lain kebaikan mandi adalah seperti berikut;

Mengeluarkan racun: mandi air panas sekitar 32 – 35 darjah celsius akan membuka pori-pori dan dapat membantu mengeluarkan toksin.

Selain itu juga ia dapat menurunkan kadar gula dalam darah, menyembuhkan sakit otot dan membantu menjaga usus besar bekerja dengan baik. Waktu yang disarankan ialah selama 10 – 20 minit.

Mengurangkan stress: mandi air dingin dengan suhu sekitar 12 – 18 darjah celsius akan meredakan ketegangan.

Penyakit kulit: ruam, kudis dan gatal-gatal boleh dirawat dengan menambahkan baking soda (sodium bicarbonate) ke dalam besen mandi dan berendam selama 10 – 20 minit dengan air suam-suam kuku.

Jangkitan: atau infeksi yeast seperti bibir, gusi atau lelangit pecah-pecah, melepuh atau berwarna putih, boleh dibantu dengan menambahkan tiga atau empat sudu cuka epal kedalam

besen mandi dan berendamiah selama 15 – 20 minit.

Flu dan sakit kepala: dapat diatasi dengan cara merendam kaki ke dalam air panas. Ia juga mengembalikan kesegaran kaki dari keletihan. Tambahkan beberapa titis minyak seperti lavender, pepper mint atau lemon dan lakukan selama 10 – 20 minit.

Insomnia: merendam kaki kedalam air suam sehingga kaki terasa sejuk akan dapat mengatasi masalah insomnia atau mereka yang mengalami masalah tidur. Perawatan ini juga berguna untuk kaki letih, leguh, pendarahan hidung, flu dan sembelit.

Sirkulasi: cubalah merendamkan kaki secara bergilir-gilir antara air panas dan air sejuk jika anda mengalami masalah sirkulasi (masalah peredaran darah). Mulakan dengan air panas selama 1 – 2 minit dan air sejuk selama 30 minit.

RUANGAN SUKAN

AKTIVITI SUKAN

SUKU TAHUN PERTAMA KSK PKINK TELAH BERMULA

11 Januari hingga 15 Januari 2004 dan pasukan yang dianggotai oleh **Meriam Omar, Azahan Ariffin, Noorhisyam Mustapha, Lazmin Che Soh, Ahmad Hilmi Mohd Nawawi dan Al-Musaina Yusoff** telah muncul sebagai Johan.

2. Kejohanan Bola jaring

Kejohanan bola jaring telah diadakan pada 7 Februari 2004 di Padang Perdana, Kota Bharu. Dalam kejohanan tersebut pasukan Berlian

yang dianggotai oleh **Zunaini Ariffin, Siti Jahinah Ya'cob, Norasiah Wan Ismail, Mazni Abdullah, Wan Shamsiah Setapa, Zaiton Azahari, Fauziah Ibrahim dan Rosmizan Abdul Ghani** telah muncul sebagai Johan.

3. Kejohanan Sepak Takraw.

Kejohanan Tahunan KSK PKINK untuk tahun 2003 telah berakhir sebaik saja ditutup dengan kejohanan sepak takraw yang telah diadakan pada 14 Januari 2004 bertempat di Kompleks Sekolah Wakaf Mek Zainab Kota Bharu. Kejohanan tersebut diadakan dalam acara regu sahaja, di mana regu yang dianggotai oleh **Mohd Naze Daud, Tengku Petra Wook dan Mohd Zali Mat** telah muncul sebagai Johan.

Sepanjang suku tahun pertama 2004, KSK PKINK rancak menganjurkan beberapa acara sukan yang tertunda dari tahun 2003. Antaranya adalah:

1. Kejohanan Kerom

Kejohanan yang berlarutan dari tahun 2003 adalah dalam acara bergu dan berpasukan. Acara bergu telah berakhir pada 8 Januari 2004 yang mana Johan telah dimenangi oleh pasangan **Meriam Omar dan Mohd Asari**, tempat kedua oleh pasangan **Azman Hassan dan Azahan Ariffin**, tempat ketiga pasangan **Wan Azizan Wan Yaakub dan Mohd Zainu Yaakub**, manakala keempat dimenangi oleh pasangan **Mohd Rosdi Yusoff dan Ridzuan Sidek**. Dalam acara berpasukan yang terdiri dari 6 pasukan telah bermain mulai

KEJOHANAN BOLA JARING ANTARA SYARIKAT- SYARIKAT KUMPULAN PKINK

Tirai sukan untuk tahun 2004 telah dibuka dengan acara Kejohanan Bola jaring antara syarikat-syarikat Kumpulan PKINK, yang telah diadakan pada 6 Mac 2004 di Padang Perdana, Kota Bharu. Kejohanan yang Piala Pusingannya telah disumbangkan oleh KEKWA KSK PKINK telah disertai oleh 4 pasukan yang terdiri dari Pasukan PKINK, Pasukan Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd, Pasukan Kumpulan Pertanian Kelantan Bhd dan Pasukan Hotel Perdana Sdn Bhd. Kejohanan ini dibuka kepada semua Syarikat-syarikat anak Kumpulan PKINK, yang antara lain selain dari memupuk semangat kekitaan di kalangan anggota



Sesi bergambar di antara pasukan PKINK dan pasukan Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd.

Kumpulan PKINK, ia bertujuan untuk memilih pemain-pemain yang berbakat bagi mewakili PKINK dalam acara sukan Gemaputera, iaitu sukan Dwi Tahunan yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan.

Pasukan PKINK telah muncul sebagai johan, dengan mengalahkan pasukan Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn Bhd 7-6, mengalahkan Pasukan Hotel Perdana 6-1 dan mengalahkan Pasukan Pertanian Kelantan Bhd 5-2. Pasukan



Pasukan PKINK dengan bangganya menjulang Piala Pusingan sebagai Johan Keseluruhan

Pertanian Kelantan Berhad muncul naib johan. Pasukan Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn Bhd tempat ketiga dan Pasukan Hotel Perdana Sdn Bhd tempat keempat. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Datin Norsiah Musa selaku Pengurus Sumber Manusia PKINK merangkap Pengurus Bolajaring KSK PKINK dan juga oleh Puan Nik Farzimah Nik Omar selaku Pengerusi KEKWA KSK PKINK. Kejohanan seperti ini akan diadakan setiap tahun dan berharap lebih banyak pasukan yang turut serta.

BOLA SEPAK PERSAHABATAN ADUN KELANTAN LAWAN PKINK

Sebagaimana tahun lepas, satu perlawanan Bola sepak persahabatan antara ADUN Kelantan & PKINK telah diadakan pada 25 Zulhijjah 1424 bersamaan 16 Februari 2004 bertempat di Stadium Sultan Muhammad IV Kota Bharu jam 8.45 malam.

Babak-babak awal perlawanan telah menyaksikan perlawanan yang agak agresif dengan saingan yang begitu sengit dari kedua-dua belah pihak bagi menebus kekecewaan pada tahun lepas dengan jaringan 2-2. Kali ini PKINK ingin menjuarai perlawanan ini dan ternyata hasrat mereka tercapai. Jaringan gol pertama oleh Mazli Yaacob pada awal permainan telah menaikkan semangat pemain untuk terus berjuang bagi menjuarai perlawanan ini. Setelah tamat



Inilah pasukan bola sepak PKINK yang menjuarai perlawanan!!!



Penonton sedang memberi tepukan kepada pasukan yang menang

permainan di separuh masa pertama, pasukan PKINK sekali lagi menjaringkan gol oleh Nik Zulkarnain Nik Mustafa dengan jaringan 2 - 0.

Penyampaian hadiah telah



YBhg. Tn. Hj. Suhaimi Husin selaku Timb. Ketua Eksekutif (P&P) menyampaikan hadiah kepada pasukan yang menang



Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) turut hadir untuk memberi sokongan kepada ahli pasukan bola sepak PKINK

disampaikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd. Suhaimi Husin, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P). Semoga tahun depan dapat dikekalkan kejuaraan ini. Tahniah diucapkan kepada pasukan bola sepak PKINK.